

# Persiap mekanisme lahirkan warganegara digital

**Microsoft-IDCStudy:** Understanding Consumer Trust in Digital Services in Asia Pacific 2019 melaporkan hanya 24 peratus pengguna Malaysia mempercayai untuk menyerahkan data peribadi mereka kepada organisasi menawarkan servis digital.

Ini secara tidak langsung berkadar terus dengan literasi digital rakyat dan juga kebarangkalian mereka ter-tipu oleh jenayah digital.

Literasi digital merangkumi kebolehpayaan seseorang menggunakan pakai platform digital untuk mengakses, menilai dan memahami maklumat disampaikan termasuk hebahkan, pendidikan, ekonomi serta cara hidup.

La merangkumi cara menggunakan laman web, enjin carian, e-mel, teks, wiki, blog, Photoshop, Powerpoint, perisian pembuatan dan penyuntingan video sebagai medium mencapai pelbagai objektif, selain kebolehan menilai sumber dalam talian untuk ketepatan serta kebolehpercayaan maklumat.

Literasi digital ialah komponen penting dalam menjadi warganegara digital; seseorang menggunakan teknologi untuk berinteraksi dengan dunia penuh tanggungjawab.

COVID-19 secara tidak langsung meningkatkan kadar literasi digital rakyat terutama mendapatkan laporan terkini Kementerian Kesihatan (KKM) secara terus melalui laman Facebook, Instagram atau Twitter.

Meskipun peningkatan literasi digital dianggap positif, pendidikan dan pendedahan berterusan diperlukan bagi mengelak mereka menjadi mangsa jenayah digital atau jenayah siber, terutama golongan dewasa.

Banyak kebaikan daripada peningkatan literasi digital, terutama mudah mendapatkan maklumat di hujung jari. Ini membuka ruang menambah ilmu lebih pantas dan lancar; seterusnya mendidik sifat ingin tahu.

Kita boleh menjadi pengatur cara, chef atau belajar mengenai muka bumi dan haiwan. Manfaat utama menjadi warganegara digital, membantu kita membuat keputusan lebih bijak jika mengetahui banyak perkara.

Namun harus diingat, ia tidak menjadikan kita pakar, malah lebih menyebabkan terjebak dalam kancuh 'pa-latau' - berasa serba tahu dengan maklumat salah dan memberi nasihat serta tunjuk ajar tanpa merujuk pakar. Ini melahirkan doktor segera dan kaunselor tanpa tauliah.

Menjurus ekonomi gig, sistem pasaran kerja bebas untuk komitmen jangka pendek, majikan dan syarikat lebih gemar mengambil pekerja sementara dan fleksibel menjadi perkara biasa.

Teknologi dan platform digital membantu merencanakan ekonomi aliran baharu ini seperti AirBnb, Grab dan foodpanda. Literasi digital membantu menjana ekonomi rakyat, manakala laman digital

memberi ruang meluaskan rangkaian dan hubungan sosial.

Sesuatu ilmu mudah dikongsi dan dipelajari jika mempunyai rangkaian menyeluruh. Kita mampu mempelajari cara sesuatu perkara dilakukan daripada pakar yang mempunyai pengalaman tertentu.

Contohnya, pengalaman ibu bapa menguruskan anak autisme, bagaimana mengembangkan idea dan reka bentuk, malah boleh mencetak prototaip dengan pencetak tiga dimensi sehingga kepada perkongsian perasaan bagi mengatasi kes bunuh diri.

Teknologi digital membolehkan orang ramai berkomunikasi dengan keluarga serta rakan secara berkala. Namun, kebebasan sosial membuka pintu kepada pemangsa, pedofilia serta mungkin pengumpul gambar porno. Di sini, pentingnya literasi digital menapis maklumat dan menjaga diri daripada ancaman melalui teknologi digital.

Menurut laman web Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), statistik 2018 menunjukkan pengguna internet Malaysia ialah 28.7 juta orang atau 87.4 peratus. Hanya separuh menggunakan perbankan dalam talian (54.2 peratus).

Ia menunjukkan tahap literasi digital menapis dan memilih sumber mak-

lumat benar masih perlu diselidiki, manakala sumber WhatsApp dan media sosial lebih dipercayai berbanding pengurusan kewangan dalam talian yang lebih selamat.

Ramai lebih risaukan kanak-kanak berkaitan teknologi digital walaupun hakikatnya orang dewasa lebih terdedah kepada bahaya sindiket tipu panggilan seperti *love scam* dan *Macau scam* serta penipuan belian pasaran gelap. Ini tidak termasuk buli secara digital, fitnah dan penipuan maklumat.

Kempen Kesedaran Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) melalui gabungan pelbagai agensi dan media perlu dipertingkatkan. Mekanisme dan pelan jangka panjang diperlukan bagi mendidik rakyat terhadap literasi membabitkan teknologi digital.

Inisiatif SKMM memulakan proses rundingan awam mengumpul pandangan awam terhadap pembangunan rangka kerja Identiti Digital Nasional patut dipuji. Ia membantu mengukuhkan aspek strategi dan hala tuju Malaysia dalam urusan pendigitalan negara.

Setiap kemajuan perlu didukung pendidikan berterusan terutama golongan dewasa. Penerapan literasi digital bagi kanak-kanak lebih mudah diterapkan melalui medium persekolahan berbanding orang dewasa yang tidak mempunyai medium tetap.

Literasi digital atau kemampuan kita menilai maklumat bukan setakat kebolehan mengguna peranti digital membantu membangunkan perspektif rakyat Malaysia ke arah negara lebih membangun dan seiring dengan peradaran masa.

**Penulis** adalah Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam



Dr Noor Ayuni Che Zakaria

